



SIARAN MEDIA

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA**



UNTUK SIARAN SEGERA

15 April 2023 (Sabtu)

BILANGAN 6/2023 (KELANTAN)

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PATAHKAN CUBAAN MENYELUDUP
ROKOK DAN PELBAGAI JENIS BARANG DI DALAM OPERASI BERSEPADU
OPS BADAI DAN MAKMUR II**

LATAR BELAKANG

1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah melancarkan operasi bersepadu yang dikenali sebagai OPS Badai dan OPS Makmur II bermula 27 Mac 2023 sehingga 16 April 2023. Operasi ini diadakan dengan kerjasama negeri-negeri di Pantai Timur yang melibatkan JKDM Kelantan, JKDM Terengganu dan JKDM Pahang. Operasi ini juga turut disertai Pasukan COBRA (Customs Operational Battle Force Response Assault) daripada Ibu Pejabat dan Anggota Marin JKDM Kelantan dan JKDM Terengganu.
2. Tujuan operasi ini diadakan adalah untuk mengekang penyeludupan rokok-rokok melalui jalan laut dan jalan darat. Selain itu, operasi ini juga bertujuan bagi meningkatkan lagi kemahiran operasi taktikal pasukan dan anggota di dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
3. Antara lain operasi ini juga adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi “senergi” di antara pasukan dan anggota di dalam perkhidmatan kastam khususnya Zon Timur bersama anggota COBRA Ibu Pejabat.



09- 741 1100



www.customs.gov.my



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)



09- 747 4907



[JabatanKastamDirajaMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanKastamDirajaMalaysia)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)

PERIHAL KES

4. Sepanjang operasi yang diadakan sehingga 14 April 2023, pasukan dan anggota operasi berjaya mengekang aktiviti penyeludupan dan berjaya menghasilkan sebanyak 33 kes khususnya yang melibatkan penyeludupan. Kes-kes yang dihasilkan adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Komoditi Rampasan	Bil Kes	Jumlah	Nilai	Cukai Terlibat
1	Rokok (Pelbagai Jenis)	16 Kes	3,412,964 Batang	RM597,368.44	RM2,311,837.27
2	Mercun (Pelbagai Jenis)	8 Kes	1.32 Tan	RM26,309.64	RM39,377.01
3	Beras	2 Kes	4.98 Tan	RM8,770.25	RM3,508.10
4.	Lain-lain Barang	7 Kes		RM35,023.00	RM62,814.50
Jumlah		33 Kes		RM667,471.33	RM2,417,536.88

5. Sepanjang tempoh operasi yang dijalankan ini terdapat 11 tangkapan yang dapat dihasilkan. Kes yang melibatkan rokok sebanyak tiga (3) tangkapan, kes melibatkan mercun juga terdapat Tiga (3) tangkapan dan lain-lain komoditi sebanyak Empat (4) tangkapan yang telah diperolehi sepanjang tempoh operasi. Siasatan lanjut masih lagi dijalankan terhadap suspek-suspek yang telah ditangkap.

MODUS OPERANDI

6. Modus operandi yang digunakan adalah membawa masuk rokok-rokok tersebut dari negara jiran, selatan tanah air dan lembah klang menggunakan pelbagai jenis kenderaan samada kenderaan penumpang, lori atau van untuk disimpan sebelum diedarkan di pasaran tempatan.



09- 741 1100



www.customs.gov.my



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)



09- 747 4907



[JabatanKastamDirajaMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanKastamDirajaMalaysia)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)

7. Manakala bagi kes tangkapan mercun pula adalah yang dibawa masuk melalui negara jiran sebelum diedarkan ke pasaran tempatan sempena Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi.

RUMUSAN

8. Rokok diklasifikasi sebagai barang larangan import yang tertakluk di bawah Butiran 1, Jadual Ketiga / Bahagian II Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.
9. Mercun diklasifikasi sebagai barang larangan yang tertakluk di bawah Butiran 46, Jadual Ketiga / Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.
10. Manakala Beras diklasifikasi sebagai barang larangan yang tertakluk di bawah Butiran 5, Jadual Kedua / Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.

KESALAHAN

11. Kes-kes ini sedang disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) dan Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967.

Jika sabit kesalahan;

Boleh dikenakan denda tidak kurang dari sepuluh (10) kali nilai barang atau RM100,000.00 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari dua puluh (20) kali nilai barang atau RM500,000.00 yang mana lebih besar, atau dipenjarakan tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.



09- 741 1100



09- 747 4907



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)

KERJASAMA ORANG RAMAI

12. Sehubungan dengan itu orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi Jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ianya turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
13. JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi :
- Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855
 - atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri
14. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

DATO SAZALI BIN MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM
(PENGUATKUASAAN / PEMATUHAN)
15 APRIL 2023



09- 741 1100



09- 747 4907



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)